



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**22 MEI 2022 (AHAD)**



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**22 MEI 2022 (AHAD)**

# Krisis ayam meruncing

- KPDNHEP akan hantar stok lebihan ayam ke negeri yang kekurangan bekalan sebagai penyelesaian jangka pendek

**Kuala Lumpur:** Krisis ayam semakin meruncing di seluruh negara dengan ramai peniaga mendakwa tidak mendapat bekalan semalam, manakala yang dihantar kepada peniaga di pasar juga jauh lebih kurang daripada hari biasa.

Tinjauan *BH* juga mendapati kekurangan bekalan ayam segar itu menyebabkan kebanyakannya peniaga ayam di beberapa negeri kehabisan

stok seawal jam 7 pagi semalam dan terpaksa menutup awal perniagaan mereka.

Di beberapa negeri peniaga terpaksa mencatut jumlah ayam untuk dijual kepada pelanggan disebabkan masalah sama.

Lebih teruk, ada peniaga yang mendakwa terpaksa menutup perniagaan mereka semalam dan hari ini.

Keadaan diburukkan lagi dengan pembelian panik oleh pelanggan disebabkan laporan ugutan kartel industri ternakan ayam didakwa merancang menutup ladang ternakan semalam dan hari ini sebagai proteksi kepada kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen.

Tinjauan di Pasar Borong Selangor mendapati ada peniaga ayam

tidak dapat menjalankan perniagaan mereka semalam, manakala ada yang mendakwa terpaksa mencuti disebabkan kekurangan bekalan.

Malah, ada peniaga ayam yang terpaksa mencari sendiri bekalan di reban ayam milik penduduk kampung bagi memenuhi permintaan.

Nasional 67



Kebanyakan gerai menjual ayam di Johor Bahru ditutup awal berikutan kekurangan bekalan ayam segar ketika tinjauan di Pasar Tamun Dofha, Johor. Foto Nur Azizah Muzirani, BH

# KPDNHEP agih ayam ke kawasan kurang bekalan

**Penyelesaian jangka pendek, inisiatif penuhi permintaan**

**Kuala Berang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menghantar stok lebihan bekalan ayam yang ada di pasaran untuk negeri yang berdepan kekurangan sebagai penyelesaian jangka pendek.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berharap langkah itu dapat meredakan keresahan pengguna berikutan kekurangan bekalan ayam di beberapa negeri akibat penutupan ladang ter-

kan oleh syarikat.

"Pendekatan ini akan digerakkan mengikut kapasiti kemampuan KPDNHEP untuk mengenal pasti mana kawasan yang terjejas teruk. Contohnya, (jika) kekurangan berlaku di Perlis, kita akan tumpang dengan lebihan ayam yang ada di Pulau Pinang.

"Sebenarnya, berdasarkan laporan yang kita terima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, jumlah pengeluaran ayam adalah sekitar 86 juta ekor sebulan, berbanding penggunaan sekitar 80 juta untuk permintaan biasa dan meningkat semasa musim perayaan," katanya.

Beliau berkata, pihak ladang dalam surat yang dihantar kepada KPDNHEP memaklumkan mengenai penyakit dan berat ayam tidak mencapai tahap yang dikehendaki pasaran iaitu 1.8 Kilogram (kg) ke atas, selain faktor kekurangan tenaga kerja.

"Kita tidak mahu peladang me-

manipulasi bekalan ayam dalam

kata KPDNHEP telah menghantar pegawaiannya ke ladang yang menghentikan operasi ternakan ayam bagi melakukan siasatan.

"Kementerian tidak semata-mata menerima alasan menerusi surat yang dihantar pihak peladang mengenai keperluan menutup operasi selama dua hari (semalam dan hari ini), sebaliknya sudah mengarahkan pegawai KPDNHEP melakukan pemeriksaan terperinci ke atas ladang berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pihak ladang dalam surat yang dihantar kepada KPDNHEP memaklumkan mengenai penyakit dan berat ayam tidak mencapai tahap yang dikehendaki pasaran iaitu 1.8 Kilogram (kg) ke atas, selain faktor kekurangan tenaga kerja.

"Kita tidak mahu peladang me-



Penilaikan di pasar Dato Keramat, Kuala Lumpur menunjukkan ayam segar yang dijual di gerainya semalam.

(Foto Genes Gultah/BH)

pasaran dan sekiranya terdapat unsur terbabit kita (kerajaan) akan mengambil tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Apabila timbul isu ini kita membuat pemeriksaan di semua ladang ayam dan bukannya hanya tertumpu kepada satu atau dua ladang saja untuk menyiasat dakaun berkaitan penyakit hingga menyebabkan ayam tidak mencapai berat yang dikehendaki dan

faktor kekurangan pekerja di ladang seperti didakwa," katanya.

Rosol juga menasihati penteran dan penilaian supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga ayam.

Sementara itu, mengulas mengenai Program Jualan Keluarga Malaysia, Rosol berkata, jumlah jualan program itu sudah mencapai RM54.5 juta dengan 2.7 juta pengunjung sejak dilancarkan pada 2 Disember tahun lalu.

Bekalan dari negeri ada lebihan dihantar ke lokaliti kekurangan ayam segar

## KPDNHEP hantar stok ke lokasi terjejas

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**HULU TERENGGANU** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil inisiatif untuk menghantar bekalan ayam segar ke lokaliti terjejas berikutan gangguan pengeluaran pada masa ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, ayam segar terbatit akan diambil dari negeri-negeri yang tidak terjejas dan mempunyai lebihan bekalan.

"Kita mendapat laporan kekurangan ayam (segar) tersebut bukan semus tempat, ada (lokasi) yang lebih. Sehubungan itu, KPDNHEP akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membawa bekalan ayam ke tempat yang mengalami kekurangan.

"Contohnya, sekiranya berlaku kekurangan di Perlis dan ada sedikit lebihan (bekalan ayam) di Pulau Pinang, kita akan menggunakan kelebihan tersebut dengan dihantar ke kawasan terjejas," katanya ketika ditemui



ROSOL semasa meninjau bekalan ayam segar yang dijual sempena PJKM di sebuah pasar raya di Kuala Berang, Hulu Terengganu semalam.

pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) peringkat Parlimen Hulu Terengganu di Kuala Berang, di sini semalam.

Difahamkan, masalah kekurangan bekalan ayam segar

agak meruncing di negeri seperti Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis sehingga meruntungkan pengguna dan menyebabkan segenitir peniaga makanan berdasarkan

ayam terpaksa menutup operasi sementara.

Katanya, berdasarkan siasatan awal, masalah kekurangan bekalan ayam itu disebabkan penutupan operasi beberapa syari-

kat perternakan selama dua hari akibat kegagalan mengikuti piaawaian berat ditetapkan dan serangan penyakit.

Beliau berkata, tinjauan KPDNHEP dan MAFI ke ladang ternakan baru-baru ini mendapat alasan syarikat perternakan itu mempunyai asas, namun siasatan lanjut sedang dilakukan.

Dalam perkembangan sama, Rosol memberitahu, masalah kekurangan bekalan ayam segar tidak sepatutnya berlaku kerana penawaran melebihi permintaan pengguna pada masa ini.

"Isu (kekurangan bekalan) tidak sepatutnya timbul kerana penggunaan ayam sebulan di seluruh negara ialah 60 juta ekor, namun penawarannya bagi tempoh sama pada masa ini ialah 66 juta ekor iaitu lebihan enam juta.

"Jadi, kita akan pergi ke akar umbi untuk melihat sejauh mana kebenarannya. Kita tidak mahu mereka (pemain industri ayam) mengambil kesempatan dalam keadaan rakyat sedang susah. Itu tidak sewajarnya berlaku," katanya.

# SAH KRISIS BEKALAN AYAM

Peniaga ayam di Pasir Balok, Kuantan, Ali Akbar Othman, 50, terpaksa menutup geraiinya lebih awal.

- Tinjauan Sinar Ahad di seluruh negara pada Sabtu mendapati memang berlaku masalah bekalan ayam mentah di pasaran seperti yang diramalkan sebelum ini.
- Situasi tersebut menyebabkan pembeli sukar mendapatkan bahan makanan itu, sementara pendapatan peniaga ayam turut terjejas kerana terpaksa menutup kedai lebih awal berbanding hari biasa.
- Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kerajaan akan menyiasat sekiranya terdapat unsur menyorok bekalan untuk tujuan menaikkan harga oleh pihak tidak bertanggungjawab.
- Bagi tindakan segera, kementerian akan menghantar stok bekalan ayam di negeri-negeri yang mengalami masalah bekalan sumber makanan itu.

MUKA 2, 3 & 4

# Kerajaan hantar ayam ke negeri bermasalah

KPDNHEP akan kenal pasti kawasan terjejas teruk untuk disalurkan bekalan

HULU TERENGGANU

**K**erajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menghantar stok bekalan ayam ke negeri-negeri yang mengalami masalah bekalan sumber makanan itu.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berbincang, ia sebagai alternatif penyelesaian jangka pendek ekoran penutupan sebuah ladang ternakan akibat mengalami masalah pengeluaran.

"KPDNHEP akan mengenal pasti mana kawasan yang terjejas teruk dan akan menyalurkan bekalan untuk menampung permintaan. Misalnya kekurangan berlaku di Perlis, kita akan tumpang dengan lebihan ayam yang ada di Pulau Pinang.

"Langkah itu bagi meredakan keresahan pengguna berikutnya kekurangan bekalan ayam di beberapa negeri," katanya pada sidang akhbar sempena Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Rosol berkata,



ROSOL



Bekalan ayam di Pasar Awam Sementara Seberang Jaya, Pulau Pinang masih boleh didapati namun dikhawatir terputus dalam tempoh beberapa hari lagi.

pihak kementerian menerima maklumat hanya sebuah ladang yang tidak dapat mengeluarkan ayam pada 22 dan 23 Mei kerana mengalami masalah pengeluaran.

"Siasatan dijalankan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mendapat ayam di situ kurang bekalan makanan selain dijangkiti penyakit.

"Kita ada bukti iaitu gambar-gambar yang diambil menunjukkan ayam-ayam tersebut ada penyakit selain ada yang hanya mencapai berat 1.2 kilogram (kg) berbanding berat sepatutnya untuk dipasarkan ialah 1.8kg," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, isu mengenai bekalan ayam di pasar-

an sepatutnya tidak berlaku kerana terdapat penambahan 6.6 juta ekor ayam berbanding 6 juta sahaja untuk permintaan biasa bagi bekalan ayam di pasaran negara.

"Jadi, kita akan turun padang untuk siasat sekiranya ada unsur menyorok bekalan untuk tujuan menaikkan harga yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab," ujarnya.

Beliau berkata, siasatan akan dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 sekiranya berlaku kes menyembunyikan ayam untuk tujuan manipulasi harga.

Media pada Khamis melaporkan jangkaan berlaku kekurangan bekalan ayam di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis selama dua hari ekoran penutupan ladang ternakan dan tinjauan pada Sabtu menunjukkan krisis bekalan ayam sememangnya berlaku.

HARI : AHAD  
TARIKH : 22/5/2022  
M/SURAT : 1



HARI : AHAD  
TARIKH : 22/5/2022  
M/SURAT : 1



Oleh Mohamed Farid Noh  
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

**K**etiadaan bekalan menyebabkan kebanyakannya peniaga ayam seger di sekitar bandar raya ini kehabisan stok seawal jam 7 pagi dan terpaksa menutup perniagaan awal.

Tinjauan di pasar basah sekitar Taman Dahlia, Tampoi dan Perlis di sini, mendapati hampir semua lot niaga yang menjual ayam seger sudah ditutup dengan pekerja sibuk membersihkan lot niaga masing-masing, sekali gus mengecewakan pengguna.

Peniaga ayam di Pasar Taman Dahlia, Abdul Nasir Haji Mohd Noh, 50, berkata kerana kurangan bekalan ayam seger menyebabkan bahan mentah yang dijual di lot niaganya habis pada jam 7 pagi.

Katanya, pengguna berpusu-pusu membeli ayam seger awal pagi apabila laporan bekalan ayam tiada mulai semalam hingga Isnin ini tular di media sosial.

"Bekalan ayam seger yang diperoleh memang tidak cukup dan sangat sedikit. Semua peniaga ayam di pasar

## 7 PAGI AYAM DAH HABIS

*Kebanyakan peniaga di pasar terpaksa tutup kedai awal susulan kehabisan stok*



KERANYAKAN kedai menjual ayam ditutup awal berikutan tiada bekalan ketika tinjauan di Pasar Taman Dahlia, semalam.  
Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

ini sudah kehabisan bekalan ayam pada jam 7 pagi menyebabkan terpaksa menutup lot niaga masing-masing seawal jam 9 pagi.

"Sebelum ini saya biasa tempah 2,000 ayam sehari daripada pembekal namun sejak Ramadan lalu hanya diberikan antara 200 hingga 500 ekor sahaja.

"Oleh kerana masalah bekalan ayam seger tempatan semakin buruk, saya dan be-

berapa peniaga sedang dalam proses mendapatkan ayam seger daripada Thailand. Harganya pun lebih kurang harga ayam di negera kita, Insya-Allah jika berjalan lancar seminggu dua ini akan dapat bawa masuk.

"Isu keterangan ayam seger dengan be-

kerap tidak stabil bukan sahaja mengecewakan pengguna malah peniaga pun buntu apatah lagi sering ditekan pembekal yang memberi harga tinggi," katanya ketika ditemui semalam.

Khamis lalu media melaporkan penuhan sementara sebuah kilang pengeluaran ayam di Jasin, Melaka

ka semalam dan hari ini tidak akan menjelaskan bekalan bahan makanan itu di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, dilaporkan berkata pihaknya sudah menerima penjelasan syarikat pengeluar ayam terabit bahawa tindakan itu bagi membolehkan ayam yang dihasilkan menepati

saiz ditetapkan bagi dipasarkan.

Dalam pada itu, pengguna, Bakar Umarsyah, 42, berkata dia terpaksa meninggalkan majlis rumah terbukanya yang berlangsung semalam.

Katanya, dia sudah ke empat pasar basah selain pasar raya besar untuk membeli ayam, tetapi semuanya kehabisan bekalan ayam seger, semalam.

"Sangat kecewa apabila ayam seger tiada langsung di pasaran bandar raya ini. Semalam (kelmarin) peniaga beritahu bekalan di Johor Bahru dijangka tidak terganggu namun apabila saya ke beberapa lokasi pasar dan pasar raya memang tiada bekalan ayam seger," katanya.

Peniaga makanan, Salmah Ahmad, 56, puli berkata, ketidaaan bekalan ayam yang dijangka hingga Isnin ini menyebabkan beliau juga tidak dapat membeli ayam seperti biasa, sekaligus boleh menjelaskan perniagaannya.

Peniaga dalam proses mendapatkan ayam seger daripada Thailand

## KPDNHEP hantar pegawai siasat ladang

**Kuala Berang:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah menghantar pegawaiinya ke ladang yang menghentikan operasi ternakan ayam bagi menjalankan siasatan lanjut.

Timbalan Menterinya Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya tidak semata-mata menerima alasan menerusi surat yang dihantar peladang mengenai keperluan menutup operasi selama dua hari, sebaliknya sudah menggarahkan pegawai KPDNHEP melakukan periksaan terperinci ke atas ladang berkenaan.

Menurutnya, pihak ladang dalam surat yang dihantar kepada KPDNHEP ada memberitahu tentang penyakit dan berat ayam tidak mencapai tahap yang dikehendaki pasaran iaitu 1.8 kilogram (kg) ke atas selain faktor tenaga kerja.

"Kita tidak mahu peladang memanipulasi bekalan ayam dalam pasaran dan sekiranya terdapat unsur terbabit, kita (kerajaan) akan mengambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Apabila timbul isu ini,

kita akan membuat pemeriksaan ke seluruh ladang ayam dan bukannya hanya tertumpu kepada satu atau dua ladang saja," katanya ditemui pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Pasaraya Xiri Kuala Berang di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya akan memastikan kebenaran isu yang diutarakan penternak ayam termasuk berkaitan penyakit hingga menyebabkan ayam tidak mencapai berat yang dikehendaki dan faktor kekurangan pekerja di ladang.

Beliau berkata, kementerian sentiasa proaktif dalam menjaga kepentingan pengguna dan peniaga termasuk dalam isu kestabilan bekalan dan harga ayam di pasaran.

Rosol berkata, pihaknya tidak menolak sesetengah kawasan kini ada mengalami masalah kekurangan bekalan ayam dan langkah jangka pendek sudah dibawa dengan membawa bekalan dari kawasan yang mempunyai bekalan ayam berlebihan untuk menampung keperluan di lokaliti yang berdepan kekurangan itu.



A photograph showing a man in a black polo shirt and dark trousers standing at a long, red, rectangular sink. He is holding a hose and spraying water onto the sink. The sink is situated in what appears to be a wet market or a food preparation area, with various items like barrels and containers visible in the background. The floor is wet and reflective.

# LOW ON FOWL

CONSUMERS and traders in several states are concerned over the scarcity of fresh poultry in markets, which yesterday forced chicken traders to close early. The situation is expected to worsen today with breeders temporarily ceasing operations for various reasons. The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is 'closely monitoring supply'.

» REPORT BY ADIB POVERA AND FARAH SOLHI ON PAGE 4

MONITORING INTENSIFIED

# NO CHICKEN SUPPLY BOYCOTT

Enforcement team finds no evidence of this in markets, says deputy minister

ADIB POVERA AND  
FARAH SOLHI  
**KUALA LUMPUR**  
news@nst.com.my

**T**HE Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is intensifying monitoring of fresh chicken supply in markets.

This follows reports of an alleged "boycott" by four poultry companies over the weekend starting yesterday.

Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid told the *New Sunday Times* that there should be an excess instead of a shortage of fresh chicken in the market.

This, he said, was based on the checks made by the ministry on chicken production for this cycle with the Agriculture and Food Industry Ministry (Mafi).

"Based on our checks and data from Mafi, there should be an oversupply of fresh poultry."

"Based on data given to us, the production of chicken has reached 66 million for this cycle, which is six million more compared with the previous cycle."

He said: "We do not have any information of a boycott report-



ed by a Malay daily.

"However, the ministry sent our men to the ground. Our officers said a boycott did not take place today (yesterday)."

"For me, this boycott should not have happened in the first place."

Although the ministry had no information and found no evidence of a boycott, Rosol said it had received a letter from the Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia.

In the letter, he said, the association had informed the ministry that there would be no

poultry production from one company from today to tomorrow.

"The company could not supply live chicken since there were stocks that had disease and that the birds did not meet the suitable weight for them to be sold."

The ministry was monitoring the issue, Rosol said.

Selangor Poultry Breeders Association chairman Idrus Zainal Abidin was quoted by a Malay daily as saying that 70 per cent of members' stock had died from disease.

Idrus had said that this had af-

fected the supply of live chicken in the market.

Rosol urged chicken suppliers and traders not to take advantage of this situation by hiking the prices of poultry.

He called on consumers to report to the ministry if they found chicken traders hiking prices indiscriminately.

"The Keluarga Malaysia Maximum Price Control Scheme is in place until the end of next month."

"The retail price for the standard chicken is fixed at RM8.90 per kg in Selangor."

"The ministry will take action against those raising the price of the chicken."

People are advised against panic buying amid reports of a chicken supply shortage.

Negri Sembilan Environmental Action, Health, Cooperatives and Consumerism Committee chairman S. Veerapan said panic buying would have a detrimental effect on consumers.

**Page 1 pic:** A worker cleaning a stall after running out of fresh chicken at the Taman Dahlia market in Johor Baru yesterday.

People shopping for chicken at a market in Seri Kembangan, Selangor, yesterday. PIC BY AZHAR RAMLI

HARI : AHAD  
TARIKH : 22/5/2022  
M/SURAT : 1

**Don't worry, there's  
enough chicken to go  
around. >7**

# Allaying consumers' worry

## Surplus chicken to be sent to states facing shortage

**KUALA BERANG:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will send surplus stock of chicken to states facing a shortage as a short-term solution.

Deputy Minister Datuk Rosol Wahid said the move is expected to allay consumers' concerns as the chicken supply has fallen short in some states due to the closure of several poultry farms.

"This alternative will be done according to our ability to identify areas that are severely affected. For example, (if) a shortage occurs in Perlis, we will cover it with surplus stock from Penang.

"Actually, based on the report we received from the Agriculture and Food Industries Ministry, total

chicken production is around 66 million heads per month, while the normal consumption rate is around 60 million, and the demand will increase slightly during festive seasons," he added.

He was speaking to reporters after inspecting a Malaysian Family sales programme here yesterday, which was also attended by Terengganu Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry director Saharuddin Mohd Kia.

On the closure of several poultry farms believed to be stricken by growth problems and diseases, Rosol said the ministry's enforcement officers had monitored and conducted investigations on the farms concerned.

"We did not simply accept letters from the companies involved – instead, we went down to the field to investigate.

"Our officers went to the farms to see for themselves and there was also photo evidence that the chickens were indeed sick ... they weighed only around 1kg to 1.2kg, and were not suitable for the local market," he added, according to Bernama.

Rosol also said that stern action would be taken under the Control of Supplies Act 1961 if there was any manipulation to disrupt the stability of the chicken supply in the market.

Meanwhile, Perak Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad gave

his assurance that the chicken supply in the state was still sufficient and that there would be no shortage like in other states.

"What happened in other states will not happen in Perak. We are in direct contact with poultry farmers who guarantee to supply chicken as usual to the people of Perak.

"In fact, I have given the state executive council the responsibility of providing information and reports at weekly meetings on any development," he said at his Hari Raya open house in Lenggong yesterday.

The Kota Tampan assemblyman added that the Veterinary Services Department is also monitoring the situation.

## BelalangJalanRiong

bhrencana@bh.com.my

### Usah ‘bagi muka’ kartel industri ayam

**Apabila sekumpulan kartel industri ternakan ayam dilaporkan merancang menutup ladang ternakan semalam dan hari ini, ia menjadi petunjuk kumpulan kapitalis ini mempunyai pengaruh kuat dalam menentukan penghasilan, pengeluaran, pembekalan dan penjualan produk ruminan dalam negara.**

Jika benar alasan mereka ini adalah protes kepada kerajaan yang dikatakan lambat melakukan bayaran subsidi harga ayam sebanyak 60 sen, bermakna mereka adalah kumpulan pendesak yang melampau untuk menekan kerajaan, pada masa sama, menyusahkan pengguna kerana terputus bekalan serta membayar harga mahal untuk beli ayam.

Belalang muahu kerajaan bertindak lebih tegas kepada mereka dan jangan ‘bagi muka’ lagi. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu bertindak dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) usah sekadar siasat sahaja, sebaliknya ambil tindakan keras.

PROFIT AND LOSS

# FOOD HIT BY RISING COST OF WHEAT

Restaurant operators say price increases are inevitable

MOHAMED BASYIR  
AND TENGKU ZARITH SOFIA  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**R**OTI canai, Malaysians' favourite go-to breakfast meal, is expected to cost more due to the increasing price of wheat flour.

Operators of mamak restaurants here said they were already feeling the pinch of sourcing goods at a higher price, forcing them to increase some of the prices of food sold at their eateries.

Hameediyah Restaurant director Muhammad Riyaz Syed Ibrahim said the restaurant had already increased the prices of some foods as the prices of other materials used in cooking had gone up for several months.

"For instance, a five-litre bottle of cooking oil which used to cost RM27 is now being sold to us by suppliers at RM44."

"So we have increased the price of some items."

For example, our most sought after dish — murtabak — has gone up by RM1.

"If the price of flour goes up, then we have no choice but to increase the prices of the items again."


"We have never increased the prices for the past two years," he said when contacted yesterday.

Malaysian Muslim Restaurant Operators Association president Datuk K. K. Sihabutheen also said that an increase in food prices, including for roti canai, was inevitable.

At mamak restaurants in the northern region, plain roti canai was currently being sold from RM1.20, he said.

He added that aside from the rising cost of wheat flour, the increase in minimum wage and operational costs, such as rentals, had also forced restaurant operators to revise prices.

"Roti canai is always sold below cost at all times, so it cannot be subsidised any more if the price of wheat flour goes up."



Trader Yashir Arafath preparing roti canai for customers at Kampung Teras Jernang in Bangi, Selangor, yesterday. PIC BY AIZUDDIN SAAD

"Food prices will definitely go up in tandem. We cannot pretend that it is not going to happen," he added.

Several news reports showed there was already a hike in the price of wheat flour, as well as a supply shortage at retail outlets.

The hike in the price of wheat flour

the price would likely be passed on to the consumers.

Food sellers were also facing supply shortages.

"I've been told that supplies of wheat flour are dwindling in some supermarkets."

"In this case, there is the possibility of cartels storing supplies and selling them at a higher price."

"I hope the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will monitor this and take appropriate action."

"They (food sellers) are used to facing hardships and obstacles. Whatever happens, they must carry on. But consumers will be affected if food prices are increasing."

"Of course, we would prefer cheaper options, but this can be detrimental to sellers."

Malaysian Federation of Hawkers and Petty Traders Associations president Datuk Seri Rosli Sulaiman hoped the government would address the price hike.

He said wheat flour now cost between RM3.10 and RM3.30 per kg, compared with RM2.50 previously.

Raw materials play an important role in the business sector.

"However, things can get challenging if shortages and increasing prices are not handled well."

He said wheat flour was an essential ingredient in foods that Malaysians routinely eat such as roti canai or kueh, and a hike in

prices would likely be passed on to the consumers.

"The profit margin may be smaller, but we can still manage by absorbing the costs."

"The prices of roti canai still remain between RM1.20 and RM1.70."

"At the moment since our wheat flour is coming from Australia, we are not as impacted by India's decision to ban exports of wheat."

"The more serious problem

now is the shortage of chicken."

He said if prices kept rising, the government might have to introduce subsidies for the ingredient in an effort to control food prices.

He added that the ministry had been responsive to the issues of business operators and were working together to address the problem.

Additional reporting by Lugman Hakim

"I hope the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will monitor this and take appropriate action."

"They (food sellers) are used to facing hardships and obstacles. Whatever happens, they must carry on. But consumers will be affected if food prices are increasing."

"Of course, we would prefer cheaper options, but this can be detrimental to sellers."

Malaysian Indian Muslim Restaurant Owners Association (Presma) president Datuk Jawahar Ali Taib Khan said members had yet to raise the prices of food items.

"We try not to increase the prices of foods we sell."

## PRAYER TIMES

|            | SUBUH<br>Izam | STOBUK | ZUMUR | ASAR<br>Izam | MAGHRIB | ISTAK |
|------------|---------------|--------|-------|--------------|---------|-------|
| Melaka     | 5:48          | 7:01   | 1:10  | 4:34         | 7:16    | 8:30  |
| Penang     | 5:51          | 7:02   | 1:18  | 4:41         | 7:28    | 8:43  |
| K. Lumpur  | 5:49          | 7:01   | 1:13  | 4:36         | 7:21    | 8:35  |
| Johor Baru | 5:43          | 6:56   | 1:04  | 4:27         | 7:09    | 8:23  |
| Kuantan    | 5:44          | 6:57   | 1:07  | 4:30         | 7:14    | 8:28  |
| Ipoh       | 5:50          | 6:59   | 1:15  | 4:39         | 7:25    | 8:39  |

HARI : AHAD  
TARIKH : 22/5/2022  
M/SURAT : 12

## KPDNHEP KL sita barang tiruan bernilai lebih RM1j

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 43,929 barang tiruan pelbagai jenama bernilai RM1,072,750 disita di empat stor di sebuah pusat pemborong terkemuka di Jalan Kenanga, di sini dalam operasi membanteras penjualan barang tiruan, Selasa lalu.

Penguruh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kuala Lumpur (KPDNHEP KL), Ariffin Samsudin berkata, seorang lelaki dan wanita tempatan yang juga pemilik serta pekerja stor ditahan dalam serbuan itu.

"Hasil maklumat mendapati pemilik premis itu menjual barang tiruan secara dalam talian dan mereka juga mempunyai kedai borong yang hanya akan menjual kepada pelanggan tetap untuk mengelak barang itu dihidu pihak berkuasa," katanya pada sidang media, di sini.

Beliau berkata, kes itu di-

siasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019 yang memperuntuk hukuman denda maksimum RM15,000 untuk setiap barang bagi kesalahan pertama serta RM30,000 bagi setiap barang untuk kesalahan kedua dan seterusnya.

Ariffin berkata, pihaknya akan terus mempergiat aktiviti penguatkuasaan undang-undang harta intelek mengikut Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987 secara berterusan.

Katanya, 89 pegawai penguatkuasa KPDNHEP KL digerak untuk memantau harga barang bagi memastikan harga jualan tidak melampau.

Beliau menasihatkan orang ramai membuat aduan kepada KPDNHEP jika mendapati harga sesuatu barang melambung bagi membolehkan tindakan lanjut oleh pihak berkuasa.



DIESEL yang cuba diseludup oleh empat lelaki dalam kejadian di Kuala Langat pada Selasa lalu.

## Empat lelaki didakwa seleweng diesel subsidi

**SHAH ALAM** – Tindakan empat lelaki termasuk dua warga asing terlibat dalam aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi memakan diri apabila dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Sepang kelmarin.

Pengarah Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, semua lelaki berusia 25 hingga 40 tahun itu dicekup di sebuah premis di Jenjarom, Kuala Langat, Selasa lalu.

Jelas beliau, dua lelaki tem-

patan tidak mengaku bersalah dan dilepaskan dengan jaminan RM5,000 setiap seorang.

"Manakala, dua warga Bangladesh ditahan kerana tidak dapat mengemukakan dokumen pengenalan diri," katanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, pertuduhan dibuat mengikut Peraturan 3 (1) Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Tambahnya, jumlah minyak diesel yang disita sebanyak 8,355 liter dengan nilai rampasan keseluruhan dianggaran RM198,330.

## Empat didakwa seleweng diesel bersubsidi

**SHAH ALAM** - Tindakan cincang lelaki termasuk dua warga asing menyelweng 8,355 liter diesel bersubsidi membawa padah apabila kesemua mereka dihadapkan ke mahkamah pada Jumaat.

Pengerah Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, tertuduh yang berusia 25 hingga 40 tahun itu ditahan susulan serbuan di sebuah premis di Jenjarom, Kuala Langat pada 17 Mei lalu.

Menurutnya, pasukan serbuan menemukan dua buah lori yang menjalankan kegiatan pemunggahan minyak diesel ke dalam sebuah tangki di kawasan ladang kelapa sawit.

"Dua lelaki warga Bangladesh dipercayai petjaga premis dan dua lelaki

warga tempatan yang meramandu lori itu turut ditahan untuk siasatan.

"Jumlah minyak diesel yang disita adalah 8,355 liter selain beberapa peralatan dan dokumen. Nilai rampasan dianggarkan RM198,330," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Beliau berkata, kes tersebut dibawa ke Mahkamah Sesyen Sepang bagi pertuduhan ke atas kesemua tertuduh.

"Dua lelaki tempatan tidak mengaku bersalah dan dilepaskan dengan jaminan RM5,000 setiap seorang.

"Manakala, dua warga asing ditahan kerana tidak dapat mengemukakan dokumen pengenalan diri.

"Jika sabit kesalahan, hukuman mengikut Seksyen 22 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 denda tidak lebih RM1 juta bagi orang perseorangan," katanya.